

Perkara babitkan hak istimewa Melayu, Bumiputera

Tarik balik tuntutan: Ling

BH 20 DEC 2000
Oleh Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PETALING JAYA, Selasa – Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik buat pertama kali hari ini meminta Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) menarik balik bahagian tuntutan mereka yang membabitkan hak keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera.

Menteri Pengangkutan itu berkata, soal hak keistimewaan Melayu dan Bumiputera adalah isu sensitif yang hanya boleh dibincangkan dalam forum tertutup 30 atau 40 tahun lagi, apabila kedudukan ekonomi orang Melayu sudah kukuh.

“Saya ingin meminta mereka menarik balik bahagian permintaan itu kerana ia adalah isu sensitif. Saya membuat permintaan ini secara terbuka sekarang,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan “Sincchew-i Powershop E-Commerce Portal” di pejabat akhbar Sin Chew Jit Poh di sini, hari ini.

Beliau mengulas pendirian Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) untuk menganjurkan perhimpunan orang Melayu di setiap negeri jika Suqiu tidak menarik balik tuntutannya.

Dr Ling berkata, badan lain termasuk GPMS juga perlu membincangkan isu sensitif pada forum yang sesuai dan secara tertutup supaya semua pihak dapat membuat keputusan bijak.

“Malaysia adalah negara demokratik. Kita membenarkan sebarang perbincangan tetapi ia mesti pada forum sesuai. Dalam mesyuarat Kabinet pun, kita berbincang mengenai semua perkara tetapi bukan semua yang dimaklumkan kepada media,” katanya.

LIHAT MUKA 3

Kaum Cina faham tindak balas GPMS

DARI MUKA 1

Ditanya sama ada GPMS dan Suqiu perlu mengadakan perbincangan bersama, beliau berkata jika kedua-dua pihak bersetuju dan perbincangan membawa kebaikan, mereka boleh berbincang secara tertutup.

Beliau berkata, masyarakat Cina faham mengapa GPMS membalas tuntutan berkenaan dan meminta Suqiu menarik balik segala tuntutan yang berkisar kepada isu hak orang Melayu.

"Dalam suasana begini, kami faham mengapa GPMS bertindak sedemikian. Kadang kala, kita pun kena tahan kalau anak-anak kita bersikap nakal," katanya sambil merujuk kepada kumpulan pelajar Melayu yang sanggup mengadakan perhimpunan.

Memorandum 17 tajuk mengandungi 83 tuntutan yang dikemukakan Suqiu pada 16 Ogos 1999 itu menjadi kontroversi dan disifatkan mencabar kontrak sosial apabila hak keistimewaan Melayu disentuh.

Antara tuntutan Suqiu yang dianggap sensitif kepada orang Melayu dan Bumiputera ialah memansuhkan perbezaan antara "Bumiputera/bukan Bumiputera" dalam semua bidang; menghapuskan sistem kuota berasaskan "kaum" dan digantikan dengan sistem pengagihan yang berasaskan "kebolehan"; serta menghapuskan sistem kuota untuk memasukkan universiti.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah memberitahu Dewan Rakyat, jika semua tuntutan Suqiu dipenuhi, kerajaan terpaksa mengetepikan Perlembagaan dan membelakangkan kontrak sosial yang menjadi asas pembentukan negara ini.

Isu itu ditimbulkan semula ketika kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas di Kedah baru-baru ini bersama isu pembentukan Sekolah Wawasan, yang juga dibantah oleh ekstrimis Cina.

Dr Ling menjelaskan, apabila Suqiu memberi jaminan isu berhubung hak keistimewaan Melayu adalah wawasan jangka panjang, kerajaan mengarahkan jawatankuasa itu membincangkannya dengan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen).

"Kita memberi maklum balas baik terhadap 98 peratus daripada tuntutan itu kerana ia berasas untuk membangunkan keadaan politik dan sosial negara seperti isu hak asasi manusia, alam sekitar dan perumahan. Namun, baki tuntutan itu yang menjadi masalah kerana ia adalah sensitif," katanya.